



No. Siri 2198
Penerimaan 374/89

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. Mahathir terima cenderamata PERSIAP

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir sedang menerima cenderamata dari Presiden Persatuan Mahasiswa Perubatan, Encik Mohd. Nasir Haji Musa, selepas merasmikan kursus kepimpinan di Fakulti Perubatan UKM di Kuala Lumpur, petang kelmarin.

Di tengah ialah Pengarah Kursus Kepimpinan, Encik Kamarudin Ahmad.

Kursus dua hari itu dianjurkan untuk pelajar-pelajar Fakulti Perubatan UKM yang bertujuan memberi kesedaran kepada ahli-ahli mereka terhadap berpersatuan serta menanamkan minat dan motivasi terhadap kepimpinan.

Kursus ini adalah yang pertama dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PERSIAP). — Gambar Berita Harian.